

Uchapan : ADHO
516
135/80

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran
Inche Hussein Onn di-Majlis Hari
Uchapan Tahunan Sekolah Victoria
Institution Kuala Lumpur pada
29.3.1972 jam 4.45 petang

Saya berasa sangat sukachita kerana di-jemput datang ka-hari Uchapan Tahunan Sekolah ini, dan ini ia-lah upachara yang pertama kali saya hadzir semenjak menjadi Menteri Pelajaran pada tahun 1970. Saya telah mendengar laporan kejayaan Sekolah Victoria ini, yang di-berikan oleh Guru Besar tadi, dan merupakan kejayaan2 semua penuntut dan sekolah ini sapanjang tahun 1971.

2. Daripada laporan yang di-sampaikan oleh Guru Besar, saya sukachita kerana sekolah ini telah menchapai kejayaan yang baik dalam lapangan pelajaran dan juga dalam lapangan sukan.

3. Dalam beberapa tahun yang lalu, Kementerian Pelajaran telah mengambil perhatian yang berat terhadap pelajaran Sains, Ilmu Hisab dan pelajaran Teknik. Mata2 pelajaran ini, makin hari semakin baik sambutan-nya dari jenerasi muda negara ini, dan Kementerian Pelajaran telah banyak membena bangunan2, dan makmal2 sains dan wokshop2 yang baru di-seluruh negara, untok mengadakan kemudahan2 bagi mempelajari mata2 pelajaran tersebut. Di-Malaysia

Sail
N 3/4/72

Barat sahaja, pada tahun ini, Kementerian Pelajaran akan membena lagi 302 buah ma'amal sains, 48 ma'amal sains rumah-tangga dan 58 bengkel (workshop). Selain dari itu, dalam Rancangan Malaysia yang Kedua, Kerajaan akan juga membena 10 buah sekolah berasrama penuh di mana pelajaran sains dan teknologi di-utamakan. Di-samping itu juga, kita akan membena 6 buah sekolah menengah teknik.

4. Pada hari ucapan tahunan sekolah ini, saya suka menyatakan bahawa, Kementerian Pelajaran ketika ini, sedang merancang untuk memperkembangkan pelajaran perdagangan, terutama-nya di-sekolah2 Menengah Kebangsaan. Tujuan-nya ia-lah untuk menimbangkan ka-arah melaksanakan matlamat dasar ekonomi baru. Mengikut dasar ini, ia-itu yang telah di-umumkan oleh YAB Perdana Menteri tidak lama dahulu, masyarakat Malaysia hendaklah di-peratorokan semula (restructure), supaya sa-kurang2 nya 30% daripada kegiatan2 perdagangan dan perusahaan, dalam segala jenis dan bentuk, di-sertai oleh rakyat Bumiputra dalam segi pemilikan dan pengurusan.

5. Sekarang ini, pelajaran perdagangan sedang berjalan dengan amat pesat-nya di-sekolah2 Menengah Jenis Kebangsaan, tetapi sedang mula bertapak di-sekolah2 Menengah Kebangsaan.

6. Perkembangan pelajaran perdagangan akan bermula pada tahun ini di-tingkat2 menengah atas, dan murid2 boleh mula memasoki peperiksaan dalam mata2 pelajaran perdagangan Tingkatan V bagi Sijil Pelajaran Malaysia pada akhir tahun 1973. Pada tahun 1973, Sekolah2 Menengah Teknik akan mula mengajar pelajaran perdagangan dalam dua aliran bahasa, ia-itu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, termasuk mata2 pelajaran seperti Simpankira2, Prinsip2 Perdagangan dan Kira2 Perdagangan.

7. Tujuan kursus perdagangan pada peringkat ini ia-lah, untuk memberi asas yang kukuh pada murid2 yang akan melanjutkan pelajaran mereka di-yayasan2 pelajaran tinggi dalam jurusan2 perdagangan, seperti di-Institiut Teknologi Mara dan di-Universiti2 di-Malaysia dan seberang laut.

8. Dengan ada-nya usaha memperkembangkan pelajaran perdagangan kepada sekolah2 menengah kebangsaan chara bagini, kita yakin bahawa pada masa2 hadapan, bilangan ra'ayat negara ini di-dalam bidang perdagangan dan perusahaan, akan bertambah seperti yang di-kehendaki oleh dasar ekonomi baru. itu.

9. Selain daripada itu, saya suka mengumumkan bahawa mulai tahun 1973, Ujian Lisan (Oral Test) Bahasa

Malaysia akan di-adakan bagi semua calon yang mengambil peperiksaan MCE dan SPM. Ujian Lisan ini ada-lah di-wajibkan bagi semua calon yang mengambil peperiksaan² di-atas.

10. Langkah ini di-ambil selaras dengan dasar kerajaan untuk mengutamakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa muhibbah di-negara kita. Langkah ini juga akan memberi asas yang kukuh untuk calon² menchapai kecekapan dan kemahiran, bukan sahaja menulis, tetapi bertutor dalam Bahasa Malaysia.

11. Murid² lulusan sekolah menengah ^{Sundaklah} harus lah menitek-beratkan, bukan hanya kemahiran menulis, bahkan juga kefasehan bertutor dalam Bahasa Malaysia. Ini amat-lah penting, untuk menjamin penchapaian taraf pertutoran dan penulisan yang tinggi di-kalangan murid² sekolah menengah.

12. Mulai tahun 1972 ini, semua calon yang memasoki peperiksaan MCE dan SPM, akan mengambil satu kertas Bahasa Malaysia sahaja. Ini berma'ana, kertas Bahasa Malaysia I, atau dahulu-nya di-kenal dengan nama ^{kertas} Bahasa Kebangsaan, akan di-mansuhkan mulai tahun ini. Langkah ini ada-lah sa-jajar ^{dengan tindakan yang di-ambil pada} oleh kerana pada tahun 1970 ^{tahun} ini ⁱⁿⁱ kita telah menjalankan peperiksaan L.C.E./S.R.P.

demikian
~~apabila~~ kertas peperiksaan yang dulu di-namakan kertas Bahasa Kebangsaan, telah di-batalkan dan kesemua chalon2 di-kehendaki mengambil ^{satu sahaja, iaitu} kertas Bahasa Malaysia.

13. Saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa, hanya melalui pelajaran yang baik sahaja dapat kita membetulkan keadaan yang tidak sa-imbang, yang wujud di-antara kawasan2 bandar dengan luar bandar, dan juga di-antara raayat berbagai2 keturunan di-negara kita ini. Pembetulan keadaan yang tidak sa-imbang ini, dan dengan ada-nya sistem pelajaran yang hendak mewujudkan perpaduan raayat berbilang bangsa, maka ini akan mempercepatkan lagi proses perpaduan kebangsaan kita.

14. Apabila perpaduan kebangsaan wujud, maka raayat dan negara akan ma'amor. Namun demikian, suka saya tegaskan bahawa, kema'amoran negara kita tidak akan wujud selagi kita tidak mempunyai keyakinan bahawa kita boleh hidup bersama dalam suasana harmoni dan bersefahaman, dan juga dengan semangat muhibbah dan sifat2 hormat-menghormati antara satu sama lain.

15. *Akhir-nya,* Kapada penuntut2 yang berjaya memenangi hadiah pada hari ini, ^{saya} di-ucapkan tahniah, dan kapada yang lain-nya di-harap belajar bersungguh2, supaya terchapai kejayaan pada tahun2 yang akan datang. Saya mengucapkan

terima kaseh bagi pehak isteri saya dan saya sendiri, kerana ahli2 Lembaga Pengelola, Guru Besar, ~~dan~~ Guru2 serta penuntut2 sekolah ini, sudi menjemput kami menghadziri upachara yang permai ini.



terima kasih bagi belia yang telah menyerahkan, Guru
sendiri, kerana ahli Lembaga Pengelola, Guru
Bersama Guru serta penuntut sekolah ini.
sudi menjemput kami menghadiri upacara yang
bertempat ini.



No. Siri 96
No. Penerimaan 96/80